

06 FEB 2002

Hadi-LPT

K'JAAN TERENGGANU HARAP PEMBINAAN LPT DITERUSKAN

KUALA TERENGGANU, 6 Feb (Bernama) -- Kerajaan Terengganu berharap kerajaan pusat akan meneruskan projek pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) ke Terengganu mengikut perancangan asal.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata kerajaan negeri bersedia untuk berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul berhubung pembinaan lebuhraya itu.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas kenyataan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu bahawa kerajaan pusat menangguhkan keputusan berhubung pembinaan LPT ke Terengganu berikutan beberapa masalah yang belum diselesaikan kerajaan negeri.

Abdul Hadi berkata masalah bayaran perpindahan yang dikatakan menyebabkan pembinaan projek itu ditangguh bukan masalah kerajaan negeri sebaliknya masalah yang patut diselesaikan oleh kerajaan pusat.

"Saya (telah) maklumkan kepada Menteri Kerja Raya pampasan bayaran tanah yang diambil, bayaran pampasan setelah berlaku perpindahan sebenarnya bukan masalah Terengganu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini.

Mengenai kenyataan Samy bahawa keputusan pembinaan LPT ke Terengganu akan hanya dibuat selepas pembinaan LPT di Pahang selesai, Abdul Hadi berkata: "Itu satu kenyataan yang mundur dan mempunyai kaitan politik menunggu pilihan raya akan datang".

Projek LPT bernilai RM3 bilion itu membabitkan pembinaan laluan dua lorong sejauh 338 kilometer bermula dari Karak ke Kuantan, Pahang dan melalui Jabur sebelum berakhir di Chendering, Terengganu.

Pada perkembangan lain, Abdul Hadi berkata pegawai kerajaan negeri yang didapati cuai dalam melaksanakan tugas dan melambat-lambatkan kelulusan permohonan tanah oleh rakyat akan dikenakan tindakan disiplin.

Beliau berkata ada kes kelewatan yang dikenal pasti berpunca daripada tindakan kakitangan yang memendam dan melambatkan permohonan.

Kakitangan yang sengaja melengah-lengahkan proses permohonan itu boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut Perintah Am, katanya.

-- BERNAMA

SN MOZ